

22/04/2000

Penjajahan baru di bawah tabir globalisasi

Shaharom TM Sulaiman

DALAM ucapannya pada persidangan kemuncak Selatan, Kumpulan 77 di Havana baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya pengertian globalisasi ditafsir semula dan diperbetulkan sehingga ia benar-benar membawa hasil yang diharapkan demi kesejahteraan manusia. Globalisasi pada umumnya mampu memberi rahmat pada manusia, namun dari segi realitinya ia dijadikan suatu usaha baru Barat untuk menindas manusia khususnya di negara membangun yang seolah-olah dipaksa menerimanya hingga akan menjerat leher mereka itu.

Negara membangun menjadi mangsa negara maju di sebalik tabir indah globalisasi. Akhirnya, globalisasi menjadi satu wacana yang rakus atas nama kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi untuk menekan negara membangun. Sebagai satu wacana, globalisasi adalah istilah yang mengundang pelbagai pentafsiran positif dan juga negatif. Sebagai satu fenomena pula arus globalisasi mempengaruhi dunia dalam pelbagai dimensi kehidupan seperti ekonomi, budaya, sosial, keagamaan dan politik.

Pada asasnya, konsep globalisasi bermakna seluruh dunia kini telah menjadi satu perkembangan teknologi di mana batas sempadan antara negara malah antara daerah budaya sudah tidak relevan lagi.

Seiring dengan kelajuan proses globalisasi, muncul gagasan global consciousness serta ideologi globalisme. Ia menganjurkan kepentingan global harus mengatasi kepentingan negara bangsa, bahawa kita semua bersama-sama sedang belayar dalam sebuah kapal bernama planet bumi. Oleh itu, pelbagai masalah yang melanda dunia harus ditangani bersama dari perspektif global dan bukannya perspektif negara bangsa.

Namun, apa yang tidak pernah ditunjukkan oleh penganjur globalisasi dalam metafora ini ialah walaupun kita 'belayar' dalam 'kapal' yang sama, kita sebenarnya diletakkan dalam kelas berbeza. Menurut Abdul Rahman dalam tulisannya Pembinaan Bangsa Dalam Arus Pensejagatan, penghebatan proses globalisasi hingga ke tahap yang belum pernah wujud dalam sejarah dunia kini dijana oleh perkembangan teknologi terbaru, khususnya dalam bidang telekomunikasi, elektronik dan komputer hingga boleh mengetengahkan lebuhraya maklumat yang merangkumi seluruh dunia.

Fenomena khusus yang terjelma daripada proses ini boleh disimpulkan dalam satu perkataan, instantness (kecepatan) iaitu kecepatan dalam pengaliran modal, maklumat, nilai-nilai Hollywood dengan imej visual dan lambangnya, dan perkara lain yang melintasi perbatasan negara 24 jam dalam sehari. Apa yang berlaku di satu tempat di muka bumi, tanpa diketahui jaraknya menimbulkan kesan di tempat lain dengan serta merta dan begitu juga sebaliknya. Secara metafora, dunia semakin 'mengecil' dan menjadi semacam 'kampung sejagat'.

Konsep Global Village diketengahkan oleh Marshall McLuhan yang melihat fenomena kepantasan dalam revolusi teknologi maklumat yang menyebabkan dunia mudah berinteraksi tanpa batas geografi. Namun metafora 'dunia tanpa batas sempadan' jugalah yang menimbulkan kebimbangan di kalangan pemikir yang mula melihat fenomena ini sebagai satu bentuk hegemoni budaya atau penjajahan dalam bentuk baru.

Dalam pengertian yang mudah, negara maju terus menguasai negara Dunia Ketiga melalui penguasaan ilmu, maklumat, teknologi dan ekonomi yang seterusnya memberi kesan kepada bidang sosial, budaya, media, gaya hidup dengan segala macam permasalahan. Malcom Walters dalam buku Globalization (1995) melihat fenomena globalisasi dalam konteks wacana pemikiran dengan

menelusuri beberapa teori yang akhirnya memunculkan fenomena globalisasi.

Dalam hal ini, Walters merujuk kepada perkembangan teori pasca strukturalisme kepada modenisme dan akhirnya kepada pascamodenisme. Menurut Walters, wacana pascamodenisme sedang mempengaruhi dunia sekarang dalam pelbagai aspek bidang kehidupan di bawah tabir globalisasi.

Pascamodenisme dapat diertikan sebagai gerakan terhadap universalisme, serta kecenderungan ke arah keanekaragaman, ke arah melimpah-ruah dan tumpang-tindihnya pelbagai citra dan gaya, sehingga menimbulkan segmentasi (pecahan), percanggahan dan kedangkalan makna. Orang mudah terpedaya dengan slogan atau kehebatan sesuatu fenomena atas nama teknologi, demokrasi, pembangunan, lebu ray maklumat dan sebagainya sehingga mudah menjadi mangsa kepada penganjur atau negara maju yang mengembangkan pemikiran berkenaan.

Globalisasi ekonomi, maklumat, kebudayaan telah menawarkan pelbagai keterbukaan dan kebebasan pasaran bebas dan komunikasi bebas (Internet). Keterbukaan telah mendorong pembiakan secara berlipat ganda dan keanekaragaman produk, maklumat, tanda dan kesenangan yang tanpa batas dalam skala global.

Setelah semua batas berkenaan lenyap, terbentuk jaringan ketelusan dalam pelbagai cara iaitu jaringan ketelusan maklumat, komunikasi, ekonomi dan seksual. Dalam jaringan ketelusan maklumat, orang membaca, mendengar, melihat, menonton, merakam apa saja. Dalam ketelusan komunikasi (televisyen, komputer, Internet) orang memperlihat, mempertonton, membicarakan dan mempamerkan apa saja yang sebelum ini dianggap tidak bermoral.

Dalam jaringan ketelusan seksual (ponografi cyber), orang menyaksikan, menonton, melakukan hubungan seks tanpa batas jantina, adat dan umur. Dalam jaringan ketelusan ekonomi (hiperkomoditi, shopping mall) orang mengeluarkan, menjual dan membeli barangan.

Dalam kebanjiran maklumat dalam lingkaran komunikasi dan dalam pelbagai pilihan yang bersifat telus, apa yang diperoleh oleh manusia bukan peningkatan kualiti kemanusiaan dan kerohanian, sebaliknya sekelumit kemanusiaan. Masyarakat dighairahkan dengan keseronokan memandang, menonton dan mendengar tetapi apa yang ditawarkan lebih banyak berupa kekosongan dan kehampaan.

Orang disuapkan dengan beraneka ragam pujukan, rayuan dan kesenangan, tetapi apa yang diperoleh tidak lebih daripada rasa ketidakpuasan abadi. Jaringan maklumat, politik dan sosial bersifat telus, tatkala batas di antara unsurnya dan unsur lain lenyap. Tiada lagi batas komuniti yang membentuknya dan tiada lagi kategori moral yang mengikatnya.

Ketika segala sesuatu menjadi telus dan berputar dalam alam lingkaran global, maka hukum yang mengatur masyarakat global bukan lagi hukum kemajuan kerana kemajuan juga bererti pengembangan hegemoni budaya, wilayah dan pengaruh. Bak kata pemikir Jean Baudrillard dalam bukunya *Transparency of Evil* (1993), "Kini, segala sesuatu berputar secara orbit dan global, berpindah dari satu tempat ke tempat lain, dari satu wilayah ke wilayah yang lain, dari satu masyarakat ke masyarakat lain dan dari satu kebudayaan ke kebudayaan lain."

Dalam konteks keagamaan, globalisasi memberi kesan kepada cara hidup beragama khususnya penyelesaian kepada krisis sosial di Barat. Memang, arus globalisasi memberi kesan kepada kehidupan manusia. Barat serba sedikit sudah mulai hilang kepercayaan terhadap agama yang dianutinya.

Keadaan ini terjadi kerana manusia Barat sudah hilang `keharmonian' dan `kedamaian' dalam hubungan manusia dengan dirinya sendiri, dengan alam bahkan dengan Tuhan. Timbulnya fenomena keagamaan yang semakin menarik perhatian di Barat yang dikenali sebagai agama New Age sebagai satu cara baru melihat dunia. New Age sebetulnya cara penyelesaian manusia Barat

menghadapi globalisasi sosial yang berlaku.

Namun begitu kecenderungan pengikut New Age bukannya pada agama samawi seperti Islam, Kristian tetapi sebaliknya pada fenomena kerohanian (spiritualism). Kecenderungan ini berlaku dalam semua bidang kehidupan dan secara singkatnya menolak materialisme berlebihan dan mengajak masyarakat untuk kembali kepada kehidupan yang lebih 'harmoni' dan melakukan orientasi kehidupan sekular kepada Tuhan.

Dalam konteks kehidupan keagamaan di Asia, fenomena globalisasi pada umumnya tidak memberi kesan sekiranya kita terus berpegang kuat pada akar agama. Kita percaya bahawa keutuhan agama tradisi dan samawi akan terus mempertahankan keunggulannya dalam menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi sebenarnya tidak lebih daripada proses perkembangan lanjut pemikiran manusia dalam mencari kemajuan dan erti pembangunan kemanusiaan lalu terjebak dalam masalah yang diciptanya.

Fenomena globalisasi memang tidak dapat disekat lagi tetapi manusia perlu aras dan bijaksana dalam melihat persoalan mendasar dan motif serta misi globalisasi. Globalisasi seharusnya memberi erti sebenar kepada kebebasan dan hak manusia, akauntabiliti awam, demokrasi, keadilan, kebebasan bersuara dan apa saja cita-cita ideal mengenai peningkatan kualiti kehidupan manusia.

Semua agama menjunjung cita-cita mulia ini dan jika cita-cita ini dapat mewarnai fenomena globalisasi, maka globalisasi adalah rahmat kepada kesejahteraan kehidupan manusia yang mana dengan penuh keyakinan mampu meningkatkan harkat dan martabat kemanusiaan pada alaf ketiga.

(END)